

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENGGUNAAN BEG PLASTIK**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan kempen Selangor Bebas Beg Plastik.
  
- b) Adakah Kerajaan Negeri pernah mengambil tindakan terhadap pengusaha yang memberi beg plastik percuma?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan pelbagai program berkaitan Kempen Bebas Plastik di seluruh negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan secara tahunan di setiap PBT termasuklah Karnival Jelajah Kepenggunaan dan Program Bazar Ramadhan Mampan yang fokus utamanya adalah bagi mempromosi dan mempergiat Kempen Bebas Plastik serta kempen-kempen kepenggunaan dan kempen berkaitan alam sekitar yang lain. Pihak PBT juga giat menjalankan promosi secara berterusan melalui hebahan kempen melalui siaran digital, papan iklan (*billboard*), kain rentang dan gantung di sekitar kawasan pentadbiran PBT.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah untuk mengadakan larangan terhadap beg plastik dan polisterina pada setiap hari bermula 1 Januari 2017. Kutipan bagi setiap penggunaan beg plastik adalah dikenakan oleh peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya. Melalui kempen ini, kutipan terhadap penggunaan beg plastic tersebut adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan termasuklah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Selangor, institusi pendidikan (pihak sekolah dan

universiti) serta pihak persatuan / NGO bagi menjayakan penganjuran program-program berkaitan Kempen Bebas Plastik. Sebagai contoh, penganjuran program Karnival Kepenggunaan Siswa Selangor bersama KPDNHEP Selangor dan Program “*No Plastic Awareness Campaign*” bersama Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Selangor dan Kuala Lumpur.

Sebagai tambahan, kerajaan negeri juga turut merangka polisi dan dasar kerajaan negeri yang terpakai kepada orang awam dan agensi kerajaan yang terlibat melalui pengedaran pekeliling-pekeliling kerajaan Negeri yang telah disahkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut: -

- i. Surat Pekeliling Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Dan Polistirena Di Negeri Selangor bertarikh 2 Ogos 2016; dan
- ii. Surat Pekeliling Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna Di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan Dan Negeri bertarikh 28 Jun 2019.

Dasar-dasar dan kempen yang diadakan ini adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018.

- b) Kerajaan Negeri melalui PBT telah meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma kepada pelanggan dalam Syarat-syarat Perlesenan dan Permit para peniaga. Sehubungan dengan itu, pihak PBT telah melaksanakan pengeluaran notis amaran/arahan kepada peniaga yang didapati memberikan beg plastik percuma kepada pembeli.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan pemantauan yang berterusan melalui pihak PBT bagi memastikan kempen ini dilaksanakan dengan baik dan selaras dengan dasar yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rekod tindakan kerajaan setakat ini kepada pemilik yang menyewakan Rumah Selangorku kepada pihak ketiga daripada tahun 2017 sehingga kini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah menemui solusi terbaik bagi mencegah perkara ini berulang?
- c) Apakah tindakan seterusnya kepada mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan mengambil tindakan dengan membuat siasatan di lokasi bagi setiap aduan yang dikemukakan berhubung dengan isu penyewaan Rumah Selangorku (RSKU) untuk mendapatkan pengesahan terhadap aduan tersebut selaras dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 6 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 dalam melaksanakan arahan pihak Berkuasa Negeri.

Berdasar rekod setakat ini sebanyak 6 lawatan tapak yang merangkumi 19 unit RSKU bagi tujuan siasatan di lokasi terlibat telah dijalankan seperti berikut :

- Pangsapuri Putra, Taman Putra Prima Puchong (2 unit)
- Pangsapuri Azaria, Bandar Parkland (10 unit)
- Pangsapuri Gapura Bayu, Jade Hill Kajang (1 unit)
- Pangsapuri De Palma, Setia Alam (2)
- Pangsapuri De Kiara, Setia Alam (2) ; dan
- Pangsapuri Trifolis, Bandar Bukit Tinggi, Klang (2)

Manakala sebanyak 6 unit RSKU di Pangsapuri Azaria, Bandar Parkland telah dikeluarkan notis secara pentadbiran oleh LPHS kepada unit-unit yang disewakan kepada warga asing.

Selanjutnya, sekiranya didapati implikasi yang timbul ekoran daripada penyewaan oleh pemilik RSKU tersebut menyebabkan wujudnya kesalahan-kesalahan yang bersampingan dengan isu penyewaan tersebut antara lainnya seperti pengubahsuaian tanpa kelulusan, pendawaian haram, kepadatan sesak dan kacau ganggu berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1971 (Akta 1971) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) maka perkara tersebut akan dipanjangkan ke Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

Selain daripada itu pihak pemaju yang membina Rumah Selangorku, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (JMC) dinasihatkan untuk membuat langkah kawalan melalui "house rules" yang dibenarkan di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Strata 2013 (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] khusus bagi menjaga kepentingan serta menjamin tahap keselamatan, keselesaan serta kesejahteraan pemilik dan penghuni kediaman berstrata.

(b) dan (c) dijawab bersekali

Bagi mengekang permasalahan ini daripada terus berleluasa, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menjalankan siasatan berhubung perkara ini dengan meneliti semula proses penawaran kepada pembeli-pembeli yang terlibat menyewakan unit-unit Rumah Selangorku;
- (ii) mengeluarkan notis bagi mendapatkan keterangan daripada pembeli yang menyewakan unit-unit Rumah Selangorku sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 38 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001;
- (iii) membuat tindakan penyelarasan bersama-sama dengan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan operasi bersepadu bagi kesalahan-kesalahan yang bersampingan dengan

isu penyewaan ini antaranya membuat pengubahsuaian tanpa kelulusan, pendawaian haram, kepadungan sesak dan kacau ganggu berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1971 (Akta 171) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);

- (iv) terlibat dalam operasi bersepadu bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (v) telah mengarahkan pemaju yang membina Rumah Selangorku, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan untuk mengambil tanggungjawab yang sewajarnya untuk menguatkuasakan undang-undang kecil di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Strata 2013 (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 antaranya mengawal selia penggunaan akses kad terhadap kepada penghuni yang mendiami unit Rumah Selangorku;
- (vi) merangka undang-undang kecil tambahan untuk digunapakai oleh semua Rumah Selangorku merangkumi peruntukan mengenakan tindakan punitif termasuk mengenakan denda terhadap mana-mana pelaku yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil bagi memastikan kepatuhan penghuni Rumah Selangorku bagi menjamin tahap keselamatan dan kesihatan keselesaan dan kenikmatan pemilik dan penghuni Rumah Selangorku; dan
- (vii) membuat koordinasi pengurusan aduan penyewaan dan penguatkuasaan ini bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan serta mewujudkan Manual Pengurusan dan Penyenggaraan Rumah Selangorku iaitu satu manual berhubung tatacara seragam pengurusan serta penyenggaraan bagi Rumah Selangorku telah disediakan sebagai langkah pencegahan serta pengawalan daripada permasalahan ini daripada terus berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH MISKIN BANDAR**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program bantuan yang kerajaan dirancang bagi rakyat kategori M40 khususnya dia bandar-bandar memandangkan ramai mereka seolah terabai dari segi bantuan-bantuan sama ada negeri mahupun persekutuan?
- b) Apakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menurunkan syarat umur permohonan rumah prihatin ?

**JAWAPAN:**

- b) Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin merupakan inisiatif dan keprihatinan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin dalam menyediakan kediaman yang selamat dan selesa untuk didiami. Pemilihan penerima bantuan ini adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin yang dipengerusikan oleh Tuan Ganabatirau A/L Veraman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Dan Pembangunan Sosio Ekonomi Dan Kerajaan Prihatin bersama ahli mesyuarat iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah yang berkenaan tertakluk kepada syarat – syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek juga, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah menambahbaik syarat – syarat sedia ada khususnya syarat umur penerima bantuan ini sejak tahun 2008. Terkini, syarat umur penerima bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin adalah 45 Tahun Sehingga 75 Tahun yang masih berkuatkuasa sehingga kini berbanding syarat umur sebelumnya iaitu 50 Tahun Sehingga 65 Tahun. Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin akan turut menyemak dan menimbang kes – kes tertentu yang melibatkan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang tidak mematuhi syarat umur yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri berpandangan penurunan syarat umur sedia ada kepada lingkungan had umur yang relevan pada masa ini perlu diperhalusi disebabkan oleh had umur dibawah 45 tahun masih tergolong di dalam kelompok masyarakat yang masih produktif kecuali yang tidak diperuntukan seperti OKU.

Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dibincangkan dan diperhalusi secara teliti dan holistik bersama agensi dan jabatan berkaitan khususnya Pejabat Daerah Dan Tanah bagi memastikan syarat – syarat berkenaan selari dengan dasar – dasar Kerajaan Negeri serta Program – program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang lain supaya pemberian Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin ini dapat dimanfaatkan oleh penerima yang benar – benar layak sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS TAPAK PEMINDAHAN BARU PENIAGA SUSUR UKAY  
PERDANA**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah dengan menjawab pertanyaan saya bahawa “Kerajaan Negeri, PTD Gombak dan pihak MPAJ tidak pernah berjanji untuk menyediakan penempatan baru peniaga” bererti telah terbatal jaminan Kerajaan Negeri yang terdapat dalam hansard Dewan Negeri Selangor, 9 Nov 2017, ms 19.

**JAWAPAN:**

- a) Penyelarasan terhadap peniaga-peniaga di kawasan berikut yang telah dilaksana pemindahan, diselaraskan oleh pihak konsesi Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB) dan *East Klang Valley Expressway* (EKVE) bersama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT / GLC SELANGOR**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada tahun 2018, berapa banyak hasil pendapatan yang diberikan oleh kumpulan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kumpulan MBI telah menyalurkan hasil pendapatan kepada Kerajaan Negeri melalui sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan CSR berjumlah RM60,020,167 seperti butiran berikut :

Bil	Nama Syarikat	Jumlah (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	52,429,561
2	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	620,274
3	Permodalan Negeri Selangor Berhad	3,426,597
4	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	52,270
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2,155,585
6	SRM Setia Sdn Bhd	182,574
7	KDEB Waste Management Sdn Bhd	1,153,306
	Jumlah	60,020,167

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENDAPATAN YAYASAN SELANGOR**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan pendapatan Yayasan Selangor utk tempoh 5 tahun sejak 2014 sehingga kini.
- b) Apakah yang menyebabkan masalah ini, dan apakah cadangan pihak pengurusan Yayasan utk meningkatkan pendapatan Yayasan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pendapatan Yayasan Selangor(YS) untuk tempoh 5 tahun (2014-2018)

<b>TAHUN</b>	<b>2014 (RM'juta)</b>	<b>2015 (RM'juta)</b>	<b>2016 (RM'juta)</b>	<b>2017 (RM'juta)</b>	<b>2018 (RM'juta)</b>
<b>PENDAPATAN</b>	18.84	23.80	16.14	29.83	24.89

- b) Pendapatan utama Yayasan Selangor (YS) adalah daripada hasil penyewaan bangunan/premis, sewa pajak dan pendapatan usahasama-perladangan. Pada tahun 2019, YS telah menandatangani beberapa perjanjian pembangunan usahasama. Di samping itu, pengurusan YS sedang mengkaji dan menyediakan perancangan terbaru untuk meningkatkan pendapatan yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor November ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENTERNAKAN RUMINANT**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk memajukan penternakan ruminant di Negeri Selangor?
- b) Jika ada berapakah jumlah peruntukan yang disediakan dan bagaimana ia dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memang ada menyediakan peruntukan untuk memajukan penternakan ruminan di Negeri Selangor.
- b) Peruntukan yang disediakan untuk memajukan penternakan ruminan di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

<b>PROGRAM MEMAJUKAN PENTERNAKAN RUMINAN</b>	<b>BELANJA (SEBENAR) 2018 (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN 2019 (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN (ANGGARAN) 2020 (RM)</b>
Transformasi projek ternakan ruminan	876,957	993,000	725,000
Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan	212,495	280,000	290,000
Penempatan semula (Translokasi) penternak lembu, kerbau, kambing dan bebiri yang menghadapi masalah kawasan menternak	319,700	1,560,300	Bergantung keluasan kawasan baharu yang diluluskan
Pembangunan projek makanan ternakan	-	-	Inisiatif swasta

Bagaimana program-program ini dilaksanakan adalah seperti berikut :

PROGRAM	TUJUAN	KAEDAH
Transformasi projek ternakan ruminan	Meningkatkan produktiviti dan daya saing projek penternakan ruminan	Mengagihkan bantuan input-input penternakan seperti ternakan, peralatan, bahan binaan dan makanan ternakan.
Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan	Meningkatkan mutu ternakan tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembiakan ternakan ruminan secara pernian beradas dengan benih ternakan bermutu tinggi Artificial Insemination (AI).</li> <li>ii. Mengagihkan peralatan dan bahan AI bagi membantu penternak melakukan sendiri pernian beradas (AI-DIY).</li> </ul>
Penempatan semula (Translokasi) penternak lembu, kerbau, kambing dan bebiri yang menghadapi masalah kawasan menternak	Menyelesaikan isu kacau ganggu akibat ternakan berkeliaran dan pencemaran berpunca daripada projek penternakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Translokasi penternak yang menimbulkan kacau ganggu.</li> <li>ii. Translokasi penternak yang telah menerima notis tutup daripada pihak berkuasa.</li> <li>iii. Kaedah penternakan di Ladang Translokasi perlu dibuat secara intensif sahaja.</li> </ul>
Pembangunan projek makanan ternakan	Mengurangkan kos pengeluaran penternakan ruminan dan menggalakkan penternakan secara intensif	Penanaman tumbuh-tumbuhan yang sesuai sebagai makanan ternakan seperti jagung, HBG, sorghum, napier, azola dan sebagainya secara kerjasama dengan pihak swasta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : CARA PENYAMPAIAN SUMBANGAN SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menambahbaik cara penyampaian sumbangan SMUE ke pada warga emas Selangor? Sebagai contoh, membenarkan warga emas untuk mendapatkan voucher shopping sepanjang tahun dan bukannya di bulan Hari Jadi sahaja supaya tiada yang ketinggalan.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara objektif program Jom *Shopping* SMUE ini dibuat mengikut bulan kelahiran ahli adalah seperti berikut:
- i. Sebagai meraikan hari kelahiran ahli SMUE disamping menjadi salah satu aktiviti kekeluargaan yang dapat mengeratkan hubungan.
  - ii. Menggalakkan permohonan di kalangan warga emas dan OKU yang layak untuk mendaftar SMUE memandangkan pemberian bantuan diberikan semasa hidup dan mengikut bulan kelahiran ahli SMUE.
  - iii. Penyerahan mengikut bulan kelahiran ahli SMUE lebih mudah untuk dilaksanakan memandangkan ia diberikan secara berperingkat-peringkat.
  - iv. Memudahkan pemantauan dan pengurusan pemberian baucer beli belah di peringkat penganjur, pasar raya mahupun pejabat Pusat Khidmat DUN.

Kerajaan Negeri berpandangan, pemberian voucher mengikut bulan kelahiran akan memudahkan banyak pihak terutama pihak YAWAS sebagai agensi pelaksana dan Pusat Khidmat DUN untuk membuat anggaran dan persediaan lebih awal bagi setiap program Jom *Shopping* yang akan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN BEKALAN AIR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan punca dan kawasan yang berlaku pencemaran air yang menjejaskan bekalan air sejak tahun 2008.
- b) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan gangguan air disebabkan pencemaran sumber air mentah dapat dikurangkan?

**JAWAPAN:**

- a) Bermula dari tahun 2008 sehingga tahun 2019, insiden pencemaran air mentah telah menyebabkan loji rawatan air di Selangor terpaksa dihentitugas sebanyak 744 kali dan telah menjejaskan penyaluran bekalan air terawat kepada pengguna.

Punca pencemaran air adalah disebabkan oleh perkara – perkara berikut:

- Tumpahan minyak dan diesel (35 kes)
- Perlepasan effluen dari kilang-kilang, kawasan perindustrian dan loji kumbahan yang memasuki sumber air mentah (51 kes)
- Kehadiran ammonia dan manganese yang tinggi di dalam air mentah (19 kes)
- Peningkatan kekeruhan air mentah semasa hujan lebat disebabkan kerja-kerja tanah yang tidak terkawal (599 kes)
- Lain – lain punca pencemaran seperti bahan terapung, pH tinggi dsb (40 kes)

Kawasan pencemaran yang berlaku adalah di Kawasan hulu sungai dan sumber air mentah sebelum masuk ke loji iaitu di Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih, Sungai Selisek, Ampang Intake, Sungai Bernam dan Sungai Gombak.

- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai system amaran awal *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

**Maklumat tambahan:**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya mendapati iklan yang menjualkan Rumah Selangorku sebelum 5 tahun dari Perjanjian Jual-Beli dan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri?
  
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya mendapati Rumah Selangorku disewa oleh pemilik kepada pihak lain?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan syarat-syarat permohonan yang ketat bagi memastikan bahawa Rumah Selangorku yang merupakan hartanah kawalan diagihkan kepada golongan yang benar-benar berkelayakan bagi memastikan matlamat satu keluarga satu kediaman tercapai. Dasar Kerajaan Negeri Selangor telah jelas menyatakan bahawa penjualan Rumah Selangorku hendaklah dibuat selepas lima (5) tahun pegangan bermula daripada tarikh penerimaan milikan kosong. Ini dibuktikan melalui kawalan yang ketat oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam memberikan kebenaran memindah milik Rumah Selangorku oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Pembeli adalah tidak dibenarkan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh milikan kosong diserahkan atau dari tarikh milikan kosong telah dianggap diserahkan untuk menjual, memindahmilik, menyerah hak, meninggalkan pemilikan sama ada seluruhnya atau sebahagiannya atau memasuki apa-apa perjanjian dalam apa bentuk sekalipun dan/atau menjadikan unit tersebut sebagai cagaran tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri. Tindakan kawalan tersebut adalah selaras dengan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 33/2016 yang bertarikh 5 Oktober 2016 Kertas EXCO-MTES No.1/24/2016 bahawa MMKN bersetuju supaya projek Rumah Selangorku oleh Kerajaan Negeri Selangor dimasukkan moratorium melalui sekatan kepentingan, di mana sekatan pindah milik dikenakan selama tempoh lima (5) tahun dari tarikh pindah milik pertama didaftarkan.



Selain itu juga, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor turut mengambil inisiatif dengan mempergiatkan hebahan dan penerangan berhubung dasar pemilikan Rumah Selangorku melalui pameran-pameran hartanah yang dianjurkan, melalui hebahan berkala kepada ejensi-ejensi kerajaan serta laman sesawang media sosial media bagi memaklumkan syarat tersebut kepada orang awam.

- b) Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2018 berhubung Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0) telah menetapkan antara syarat bagi pemilikan Rumah Selangorku (RSKU) adalah bahawa pemohon atau pasangan belum memiliki sebarang jenis kediaman di Selangor. Ianya adalah kerana memandangkan RSKU adalah hartanah kawalan untuk diagihkan kepada golongan yang benar-benar berkelayakan bagi memastikan matlamat satu keluarga satu kediaman tercapai. Pengenaan syarat tersebut adalah bagi memastikan bahawa pemohon yang ditawarkan RSKU akan memanfaatkannya bagi tujuan kediaman sendiri dan bukan untuk tujuan pelaburan. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menggariskan kelayakan pembeli dalam saringan permohonan di dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku (SPPRS) di mana hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja akan diproses dan ditawarkan RSKU.

Selanjutnya LPHS akan mengambil tindakan dengan membuat siasatan di lokasi bagi setiap aduan yang dikemukakan berhubung dengan isu penyewaan RSKU untuk mendapatkan pengesahan terhadap aduan tersebut selaras dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 6 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 dalam melaksanakan arahan pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya implikasi yang timbul ekoran dari penyewaan oleh pemilik unit tersebut menyebabkan wujudnya elemen-elemen kesalahan seperti pengubahsuaian tanpa kelulusan, pendawaian haram, kepenghunian sesak dan kacau ganggu berdasarkan peruntukan di bawa Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) maka aduan boleh dipanjangkan ke Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.

Selain daripada itu, pemaju yang membina Rumah Selangorku, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (JMC) dinasihatkan untuk membuat langkah kawalan melalui "*house rules*" yang dibenarkan di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Strata 2013 (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] khusus bagi menjaga kepentingan serta menjamin tahap keselamatan, keselesaan serta kesejahteraan pemilik dan penghuni kediaman berstrata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : MENAIK TARAF DAN MELEBARKAN JALAN UTAMA**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaiktaraf dan melebarkan jalan utama untuk ke Pantai Kelanang yang merupakan salah satu pusat rekreasi pelancongan utama di Kuala Langat pada belanjawan tahun ini?
  
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini, pejabat ini tiada perancangan bagi menaiktaraf dan melebar jalan utama ke Pantai Kelanang (Jalan Ke Jeti-Jalan Bukit Jugra).

Walaupun pihak Jabatan akan mencadangkan dilaksanakan kajian keperluan permohonan menaiktaraf jalan utama ke Pantai Kelanang sekiranya Kerajaan Negeri merancang untuk menjadikan Pantai Kelanang sebagai salah satu pusat rekreasi pelancongan utama di Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : SASARAN DAN PERANCANGAN SEMPENA TAHUN MELAWAT  
MALAYSIA 2020**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik minat pelancong untuk datang ke Selangor sempena tahun melawat Malaysia 2020?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan untuk program-program tersebut.

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan SOALAN MULUT No. 65 daripada Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (N14 Rawang), No. 132 daripada Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (N01 Sungai Air Tawar) dan No. 150 daripada Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (N 55 Dengkil). Seterusnya SOALAN BERTULIS No. 79 daripada Y.B. Puan Wong Siew Ki (N 27 Balakong) No. 178 daripada Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (N 05 Hulu Bernam) berkaitan rancangan pelancongan negeri pada tahun 2020 bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah bersedia melalui perancangan strategik promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 seperti yang berikut:
  - a. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
  - b. Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih 'Market-Focused';
  - c. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;
  - d. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri; DAN
  - e. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

## **PERINCIAN STRATEGI:**

- a. Bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti World Tourism Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikenalpasti oleh pihak MOTAC.
- b. Penyertaan Kerajaan Negeri di peringkat ANTARABANGSA akan lebih memberi fokus kepada strategi B2B (Business to Business) & B2C (Business to Consumer) bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara.

Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut pasaran fokus pelancongan Negeri Selangor seperti Jepun, India dan China. Program ini juga akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Bagi pasaran DOMESTIK pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.

- c. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta Key Opinion Leader (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.
- d. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti

- memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.
- e. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus meneruskan komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.
  - f. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:
    - i. Pengiklanan BILLBOARD 'UNIPOLE' di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
    - ii. Pengiklanan DIGITAL OUT OF HOME di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesyen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
    - iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;
    - iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk AIRCRAFT BODY WRAP dan INTERNAL COMPARTMENT WRAP; serta
    - v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (Return of Investment) yang tinggi dan berkesan.

- g. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-
  - I. Pelancongan Sukan Golf
  - II. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
  - III. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)

- h. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.
  - i. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (Malaysia Healthcare Tourism Council) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.
  - j. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.
- b) Jumlah Peruntukan yang diperuntukkan bagi penganjuran program promosi untuk Tahun 2020, sempena penganjuran kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, adalah sebanyak **RM 4.9 juta** bagi tujuan pembangunan dan promosi pelancongan. Walaubagaimanapun, kita menjangkakan peruntukan tambahan melalui cukai pelancongan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri untuk Tahun 2019 bagi menyokong sebarang program promosi dan pembangunan dalam bidang pelancongan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : TANAH TERBIAR**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan tanah-tanah terbiar untuk menjana industri agro?
  
- b) Sila jelaskan status tindakan yang telah diambil pada tahun 2019.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT tiada perancangan khusus untuk membangunkan tanah-tanah terbiar bagi tujuan industri agro. Walau bagaimanapun, beberapa PBT mengambil inisiatif dengan menggalakkan program Kebun Komuniti yang dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk di tanah lapang tadahan atau zon penampian. Program ini secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan harian penduduk dan dapat mendatangkan hasil jualan secara kecil-kecilan.
  
- b) Beberapa PBT ada menyediakan inventori tanah-tanah kosong atau terbiar khususnya tapak-tapak sekolah yang belum dibangunkan untuk mendapatkan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan dijadikan kebun komuniti, padang rekreasi dan untuk kegunaan lain bagi tempoh sementara. Bagi tapak-tapak yang digunakan sebagai kebun komuniti akan diserahkan semula sekiranya pembangunan akan dilakukan di tapak pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS STRAW PLASTIK**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme penilaian keberkesanan Kempen Bebas Straw Plastik setakat bulan Oktober 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan larangan penyediaan straw plastik secara automatic atau '*default*' di premis-premis makanan dan minuman di seluruh Negeri Selangor bermula 1 Julai 2019. Larangan ini adalah bagi tujuan memberi kesedaran dan pendidikan terhadap orang ramai mengenai bahaya penggunaan plastik khususnya plastik sekali guna yang dapat memberi kesan buruk terhadap alam sekitar.

Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam memperkasa dan mempromosikan kempen ini termasuklah pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, pihak institusi pendidikan dan persatuan/NGO. Pelbagai program dan inisiatif kesedaran telah diadakan termasuklah penganjuran program-program karnival kepenggunaan, program '*roadshow*', dan pengedaran bahan-bahan promosi dengan kerjasama pelbagai pihak media yang bertujuan bagi memberikan maklumat dan pendidikan kepada orang awam mengenai polisi-polisi dan saranan kerajaan Negeri termasuklah larangan penggunaan straw plastik dan kempen-kempen kepenggunaan yang lain. Pihak PBT juga telah menyediakan iklan berbentuk gegantung (*bunting*), kain rentang dan papan iklan bagi memberi pendidikan dan kesedaran terhadap orang ramai berkaitan pengurangan penggunaan plastik sekali guna.

Walau bagaimanapun, kempen yang dilancarkan ini adalah baru bermula dan masih dalam fasa pengenalan bagi tujuan pendidikan dan kesedaran orang awam. Kempen ini merupakan suatu kempen jangka masa panjang dalam menuju sebuah negeri sifar penggunaan plastik sekali guna, selaras dengan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* yang telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 10 Oktober 2018 yang menggariskan dasar yang seragam ke arah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna termasuklah straw plastik.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROGRAM-PROGRAM INSENTIF PEDULI RAKYAT (IPR)**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status program IPR terkini dan kewangan yang telah dibelanjakan untuk tahun ini.
- b) Apakah punca sebenar kegagalan yang menyebabkan proses penjajaran tidak dapat dilaksanakan tahun ini?
- c) Apakah justifikasi pemberian air percuma akan dinikmati hanya kepada pendapatan isi rumah RM4000 ke bawah?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagaimana Yang Berhormat telah maklum bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan penjajaran ke atas program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) bagi memastikan pendekatan yang lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada para penerima manfaat IPR di Selangor. Dengan erti kata lain, pelaksanaan program IPR pada masa hadapan akan lebih strategik dan memberi impak kepada golongan sasaran yang lebih tepat dan amat memerlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penjajaran program IPR yang telah bermula secara berperingkat sejak Februari 2019 ini dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Antara program IPR yang telah dijangka dan sedang dilaksanakan pada tahun ini ialah Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Skim Peduli Sihat, Hadiah Pengajian IPT, Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS), Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dan Program Jom *Shopping*.

Secara keseluruhannya, jumlah dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk semua program IPR pada tahun 2019 adalah berjumlah **RM485,435,000.00** (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lapan Puluh Lima Juta Empat Ratus Tiga Puluh Lima Ribu). Peruntukan ini adalah termasuk dengan peruntukan tambahan bagi

tahun 2019 iaitu sebanyak **RM123,815,000.00** (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Lapan Ratus Lima Belas Ribu).

Jumlah perbelanjaan ke atas pelaksanaan program-program IPR bermula bulan Januari sehingga 30 September 2019 adalah berjumlah **RM212,650,887.69** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Dua Belas Juta Enam Ratus Lima Puluh Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Tujuh dan Enam Puluh Sembilan Sen), iaitu 43.8% daripada jumlah peruntukan yang diterima.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

*Dari bulan Oktober sehingga Disember 2019, dianggarkan perbelanjaan bagi pelaksanaan program-program IPR adalah sebanyak RM87,483,349.03 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Sembilan dan Tiga Sen), menjadikan anggaran perbelanjaan sepanjang tahun 2019 berjumlah RM300,134,236.72 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Juta Satu Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Dua Ratus Tiga Puluh Enam dan Tujuh Puluh Dua Sen), iaitu 61.8% daripada jumlah peruntukan tahun 2019.*

- b) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, program-program IPR yang telah dijangka masih diteruskan pada tahun 2019 secara berperingkat sehingga selesai kesemuanya pada tahun 2020. Antara program IPR yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 ialah Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Skim Peduli Sihat, Hadiah Pengajian IPT, Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS), Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dan Program Jom *Shopping*. Selain itu, mulai 1 Mac 2020, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Skim Air Darul Ehsan yang merupakan penjajaran semula Program Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu. Pada masa sekarang, pihak Air Selangor sedang giat melakukan pendaftaran untuk pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan.
  
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang dilaksanakan bermula pada 01 Jun 2008 adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor. Namun demikian, Kerajaan Negeri memperluaskan pemberian kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan selagi mereka merupakan pengguna domestik yang menggunakan meter individu. Justeru itu, Skim Air Darul Ehsan yang diperkenalkan pada tahun ini adalah untuk memastikan penyaluran subsidi yang lebih fokus kepada

golongan sasar khususnya kepada golongan berpendapatan isi rumah tidak lebih RM4,000 di seluruh Selangor dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN INFRA SUKAN**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri pembangunan Infra Sukan terutama di DUN Sungai Kandis?
- b) Berapakah peruntukan bagi membaiki Infa Sukan seperti taman permainan dan futsal?
- c) Berapakah jumlah pembaikan dan pembinaan Infra Sukan oleh PBT pada tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MBSA merancang pembangunan Infra Sukan melalui pembinaan dan pembaikan infra sukan seperti gelanggang futsal, padang bola dan alatan rekreasi. Pada tahun 2019, pembinaan gelanggang futsal dan padang bola telah dilaksanakan di Sungai Kandis dan Jalan Kebun. Pada tahun 2020 akan dibina padang bola dan gelanggang futsal di Bukit Naga, Seksyen 32.
- b) Pihak MBSA telah menyediakan peruntukan bagi membaiki Infra Sukan seperti taman permainan dan gelanggang futsal sebanyak RM2.0 juta pada tahun 2019 dan RM3.2 juta pada tahun 2020.
- c) Pihak MBSA telah membaiki Infra sukan pada tahun 2019 seperti gelanggang futsal, padang bola, trek larian dan alatan 'outdoor gym' seperti berikut:

<b>BIIL</b>	<b>INFRA SUKAN</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Futsal	13 unit
2	Padang bola	13 unit
3.	Trek larian	2,537 meter
4.	Outdoor gym	125 set
5.	Padang cergas	12 unit

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,240,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat DUN. Setiap Dewan Negeri akan diperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi tujuan tersebut.

Projek ini akan dikhususkan kepada Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf:-

- Padang Bola Sepak;
- Padang Futsal; dan
- Lain-lain kemudahan

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1,691,894.00 dengan pecahannya sebagaimana berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf bagi kerja-kerja Menurap semula Litar Lumba Motosikal di Kuala Selangor	510,300.00
2.		Projek Membaikpulih Gelanggang Serbaguna di Taman Bukit Belimbing Indah, Permatang, Kuala Selangor	20,000.00
3.		Projek Membaikpulih Gelanggang Futsal di Taman Anggerik, Kg. Kuantan, Kuala Selangor	20,000.00
4.		Projek Membaikpulih Gelanggang Futsal di Taman Cempaka Sari, Ijok, Kuala Selangor	20,000.00
5.		Projek Membaikpulih penghadang pagar padang bola di Taman Bukit Badong, Ijok, Kuala Selangor	20,000.00
6.		Projek Membaikpulih "Grandstand" di Bandar Baru Kuala Selangor, Kuala Selangor	20,000.00
7.		Projek Membaikpulih pagar padang permainan di Taman Mahsuri Indah dan Taman Seri Tanjung, Tanjung Karang, Kuala Selangor	20,000.00
8.		Projek Membaikpulih Gelanggang Futsal di Astana Alam, Puncak Alam, Jeram, Kuala Selangor	20,000.00

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
9.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Jalan Sireh Pinang 7, Klang Selangor	17,980.00
10.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Jalan Pengkalan 1J/KS10, Telok Gong, Klang Selatan	18,480.00
11.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Jalan Pandamaran Jaya 16A, Klang Selatan	17,980.00
		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Lorong Sabah, Klang Selatan	17,980.00
12.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Jalan 12/KU4, Taman Kembara, Jalan Othman Baru, Rantau Panjang, Klang Utara	18,480.00
13.		Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Badminton di Jalan Seri Siantan 31, Taman Seri Andalas, Klang Selatan	17,980.00
14.		Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Badminton di Jalan Telok Menegun 3, Klang Selatan	17,980.00
15.		Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Badminton di Lorong Sri Banang 3, Klang Selatan	19,980.00
16.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan Impian Jaya 12, Taman Impian Jaya, Saujana Impian, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
17.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan TKP 4, Taman Kantan Permai, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
18		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan Kajang Raya 4, Taman Kajang Raya, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	19,900.00

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
19.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Lorong Jati Perak, Taman Bukit Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
20.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan Temenggung 12/7, Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
21.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan Paling Jaya 3, Taman Paling Jaya, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
22.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan 13, Taman Perkasa, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
23.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak takraw/Badminton di Jalan 2/1, Taman PKNS Beranang, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
24.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Jalan 2/1, Seksyen 2, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
25.		Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Badminton di Jalan Surada 12, Taman Desa Surada, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	19,900.00
26.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Jalan Masuk, Tempat Letak Kenderaan, Menaiktaraf Gelanggang Patanque dan Menaiktaraf Gelanggang Tinju di Sebelah Stadium Sungai Besar Daerah Sabak Bernam	199,980.00

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
27	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Projek Menaiktaraf Gelanggang Futsal di Jalan Impian 4, Taman Impian 4, Taman Impian Indah, Sg.Buloh, Selangor	70,500.00
28.		Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Bola Keranjang Berbumbung di Jalan Brp7/2, Bukit Rahman Putra, Sg Buloh Selangor	345,674.00
29.		Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Gelanggang Badminton/ Sepak Takraw di Jalan Impian 8, Taman Impian Indah, Sg Buloh Selangor	19,900.00
30.		Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Gelangan Badminton/ Sepak Takraw di Jalan Matang Jaya 7, Taman Matang Jaya, Sg Buloh Selangor	19,900.00
31.		Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Gelanggang Badminton/ Sepak Takraw di Jalan Matang Jaya 11, Taman Matang Jaya, Sg Buloh Selangor	19,900.00
32.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Projek Menaiktaraf Pagar Gelanggang Futsal di Kampung Melayu Sg. Buloh Selangor	19,900.00
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,691,894.00</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : AIRBNB**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah sampungan (kacau ganggu, trafik dll) yang berpunca daripada bisnes AirBnB?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi menangani aduan berkenaan aktiviti penginapan yang berkonsepkan “bed and breakfast” atau sewaan jangka pendek (short term rental) secara lebih berkesan pada masa akan datang Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Institut Perancang Malaysia (MIP) sedang dalam usaha untuk menyediakan garis panduan menjalankan aktiviti rumah penginapan.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun menyiapkan draf cadangan “*Short Term Accommodation (STA) Regulatory Framework*” sebagai panduan kepada pihak-pihak berkuasa untuk menyediakan instrumen kawalan ke atas aktiviti penginapan berkonsepkan “bed and breakfast” atau sewaan jangka pendek (short term rental) ini berdasarkan kepada isu-isu berkaitan.

Dengan adanya Garis Panduan ini kelak, Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain pihak yang berkepentingan mempunyai punca kuasa dan rujukan perundangan yang mencukupi untuk membenarkan, mengawal selia dan menguatkuasakan peraturan-peraturan berkaitan dengan aktiviti penginapan seperti ini secara bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : PENDIDIKAN**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah pelajar di Negeri Selangor yang tidak meneruskan pengajian ke sekolah?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan pelajar sekolah yang bekerja tidak ketinggalan dalam akademik?
- c) Adakah wujud sistem bagi membantu pelajar sekolah yang mempunyai masalah kewangan atau kewarganegaraan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelajar di Negeri Selangor yang tidak meneruskan pengajian di sekolah adalah seperti berikut :

Sekolah Menengah

<b>BIL</b>	<b>SEBAB</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Bekerja	183
2	Berhenti Sekolah	10094
3	Berkahwin	19
4	Kemiskinan	9
5	Masalah Keluarga	123
6	Sukar Ke Sekolah	43
7	Takut Ke Sekolah	11
8	Tidak Berminat Ke Sekolah	549
<b>JUMLAH</b>		<b>11031</b>

### Sekolah Rendah

<b>BIL</b>	<b>SEBAB</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Bekerja	7
2	Berhenti Sekolah	863
3	Berkahwin	2
4	Kemiskinan	15
5	Masalah Keluarga	198
6	Sukar Ke Sekolah	29
7	Takut Ke Sekolah	8
8	Tidak Berminat Ke Sekolah	128
<b>JUMLAH</b>		<b>1250</b>

- b) Tindakan kerajaan Negeri untuk memastikan pelajar sekolah yang bekerja tidak ketinggalan dalam akademik melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Program ini boleh dilaksanakan dengan waktu pelaksanaan yang fleksibel tertakluk kepada waktu yang ditetapkan oleh sekolah masing-masing. Disamping itu, program ini juga dilaksanakan kepada pelajar yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah.
- c) Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN Selangor), buat masa ini JPNS tidak mempunyai sistem yang khusus untuk membantu pelajar sekolah yang mempunyai masalah kewangan atau kewarganegaraan. Tetapi JPN Selangor mempunyai satu mekanisma untuk membantu pelajar-pelajar berkenaan yang layak untuk mendapat bantuan. Antaranya melalui program Rancangan Makanan Tambahan (RMT), tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP), program susu sekolah dan lain-lain lagi. Pelaksanaan Program Ziarah Cakna saranan Kementerian Pendidikan Malaysia oleh pihak sekolah dalam bertanya khabar dan memberi penerangan kepada keluarga untuk anak2 mereka bersekolah. Pihak Jabatan/Pejabat Pendidikan Daerah/Sekolah mengalu-alukan murid yang ingin bersekolah semula dan permohonan tersebut boleh dilakukan di ppd dan jabatan. Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai task force kepada isu murid berisiko cicir (murid yg kerap tidak hadir ke sekolah kerana bekerja) intervensi dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dengan menggunakan modul yang dinamakan Modul Sudi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS ( SMUE )**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan skim mesra usia emas ( SMUE ) bagi tahun 2019 sehingga September?
- b) Berapa ramai jumlah penerima SMUE ini untuk program JOM SHOPPING tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat 2 jenis pemberian manfaat di bawah Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang dilaksanakan pada tahun 2019. Pemberian manfaat tersebut adalah seperti berikut:
  - i. Manfaat khairat kematian (telah dihentikan pada 31 Mei 2019)
  - ii. Program Jom *Shopping* SMUE (dilaksanakan bermula pada bulan September 2019)

Jumlah peruntukan SMUE bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
1.	Jumlah peruntukan untuk pembayaran khairat kematian SMUE bagi tahun 2019 (sehingga 31 Oktober 2019)	18.2 juta
2.	Jumlah peruntukan untuk program Jom Shopping SMUE tahun 2019	6 juta
Jumlah keseluruhan peruntukan (RM) :		24.2 juta

Perbelanjaan program Jom Shopping bagi bulan September ialah sebanyak RM 506,000.

- b) Ringkasan laporan statistik SMUE sehingga 31 Oktober 2019 adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah (Ahli)</b>
Jumlah keseluruhan ahli SMUE (warga emas & OKU)	321,584
Jumlah ahli SMUE yang masih hidup (warga emas & OKU)	211,944
Jumlah ahli SMUE yang terlibat dalam program Jom Shopping (September hingga Disember 2019) **	73,388

*\*\* Program Jom Shopping SMUE bermula pada bulan September 2019.*

Sehingga 31 Oktober 2019, seramai 13,823 orang ahli SMUE direkodkan telah menerima manfaat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : SMART WASTE MANAGEMENT**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmana pencapaian pelaksanaan Smart Waste Management di Negeri Selangor untuk mencapai sasaran negeri bersih?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan sasaran untuk menjadi sebuah *Premier Smart State* di Asia Tenggara menjelang tahun 2025. Antara strategi yang telah dirangka bagi merealisasikan aspirasi ini adalah dengan melancarkan inisiatif *Smart Selangor*. *Smart Waste Management* adalah antara salah satu fokus utama daripada keseluruhan 12 domain di bawah pelan induk *Smart Selangor*. Pelaksanaan inisiatif *Smart Waste Management* ini yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui KDEB Waste telah berjaya merubah landskap pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor ini secara total.

Lori-lori kompaktor dan juga RORO baru yang dilengkapi dengan Vehicle Management System (VM) kini telah digunakan di hampir kesemua PBT di negeri Selangor kecuali di MBSA. Pergerakan semua lori-lori baru yang dipantau secara 'real time' daripada *Centralized Command Center (CCC)* KDEB Waste ini telah berjaya mengoptimumkan operasi harian kerja-kerja kutipan sampah. Keberkesanan inisiatif *Smart Waste Management* ini diterjemahkan melalui peningkatan jumlah sampah yang telah berjaya dikutip dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. KDEB Waste kini secara purata menguruskan kira-kira 5,300 tan sampah sehari di sebelas PBT tidak termasuk MBSA. Jumlah ini merupakan jumlah yang tertinggi di Malaysia.

Jumlah aduan juga menunjukkan trend penurunan yang ketara dalam tempoh tiga bulan KDEB Waste mengambil alih perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Berdasarkan statistik aduan yang direkodkan oleh *Centralized Command Center* KDEB Waste, jumlah aduan kebiasaannya akan menurun melebihi 50 peratus pada bulan kedua KDEB Waste beroperasi di kawasan PBT berkenaan. Aduan-aduan yang disalurkan melalui pelbagai medium termasuk melalui aplikasi i-Clean Selangor juga telah berjaya diuruskan dan diselesaikan dalam tempoh 24 jam. *Respond time* segera ini dapat dilaksanakan hasil daripada

kecanggihan teknologi *Internet of Things (IoT)* di mana setiap aduan yang terima akan disalurkan terus kepada Penyelia Kawasan KDEB Waste untuk tindakan segera. Tindakan segera ke atas setiap aduan yang diterima adalah amat penting kerana ia menjadi antara aspek wajib yang dinilai oleh rakyat bagi mengukur keberkesanan perkhidmatan yang diberikan.

Dalam tempoh lebih 3 tahun beroperasi, KDEB Waste juga telah membanggakan kerajaan negeri apabila dipilih sebagai *Smart Waste Solution Company of The Year* oleh *Frost and Sullivan* selama dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2018 dan 2019 dan yang terbaru, anugerah Syarikat Pengurusan Sisa Pepejal terbaik dari *Brand Laureate*. Kejayaan ini adalah satu pencapaian yang amat signifikan dan membanggakan apabila KDEB Waste kini diiktiraf sebagai salah sebuah syarikat Pengurusan Sisa Pepejal pintar atau *Smart Waste Management Company* terbaik di negara kita.

Melalui inisiatif *Smart Waste Management* ini juga, kesemua data-data penting berkenaan pengurusan sisa pepejal seperti jumlah aduan, jumlah sampah yang dilupuskan dan sebagainya dapat direkodkan secara berpusat (*centralized*) dengan sistematik dan ini akan membolehkan analisis dan kajian terperinci dibuat ke atas data-data tersebut bagi menambah baik mutu perkhidmatan di masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun, adalah ditegaskan di sini bahawa secanggih mana pun teknologi yang digunapakai, ianya tidak akan memberikan impak yang berkesan tanpa kerjasama dari semua pihak termasuk rakyat. Rakyat perlu terus dididik dan ditanamkan sifat cintakan kebersihan serta akan merasa malu dan bersalah sekiranya membuang sampah merata-rata. Fasiliti kelas dunia akan menjadi sia-sia sekiranya mentaliti rakyat masih lagi pada tahap kelas ketiga. Justeru, kerajaan negeri akan terus menggalakkan penglibatan semua pihak termasuk badan-badan bukan Kerajaan (NGO) bagi menyemarakkan lagi program-program kesedaran tentang kebersihan supaya wujud satu sinergi dengan inisiatif *Smart Waste Management* ini. Kerajaan negeri juga yakin KDEB Waste akan terus berusaha bagi memastikan sasaran untuk menjadi sebuah negeri bersih dapat direalisasikan.